



بوليتين دار النعيم

Buletin

Darulnaim



URUSETIA PENERANGAN KERAJAAN NEGERI KELANTAN

• Tahun Ke 21 • ISSN 1311-6891 •
• 1-15 Jun 2011
Jamadil Akhir / Rejab 1432H •
• EDARAN PERCUMA •
Bil 112

Menarik
Di Dalam

Rumah Dhuqfat-Kawah
realisasikan negeri
berkeadilan muka • 5

Anugerah Tokoh Anak Muda
Kelantan
muka • 8

Sultan Muhammad V
bersama rakyat
muka • 9

Bachok diisytihar 'Bandar Pelancongan Islam'



"Islam mewajibkan umatnya supaya mengerjakan fardhu haji yang memerlukan kepada melancong ke Makkah al-Mukarramah. Pelancongan ke Makkah ini bukanlah satu pelancongan yang sebarangan, bahkan ia merupakan pelancongan yang diperintahkan, pelancongan yang bertujuan menyahut seruan Allah SWT,

YAB Tuan Guru Dato' Bentara Setia Hj Nik Abdul Aziz Nik Mat menyempurnakan perisytiharan Bachok, Bandar Pelancongan Islam. Turut sama, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Pelancongan dan Kebudayaan Negeri Kelantan Dato' Takiyuddin Hassan dan Ketua Jajahan Bachok, En. Zulkifle Ab. Rahman.

BACHOK - Bermula tahun 2005 Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) telah diisytiharkan sebagai MPKB Banda Raya Islam (MPKB-BRI), seterusnya diikuti dengan Majlis Daerah Ketereh Perbandaran Islam dan kini Bandar Bachok telah diisytiharkan sebagai Bandar Pelancongan Islam.

Pengisytiharan Bandar Pelancongan Islam telah disempurnakan YAB Tuan Guru Dato' Bentara Setia Hj. Nik Abdul Aziz Nik Mat. Tuan Guru juga turut merasmikan Pesta

Pantai Irama yang telah bermula 2 hingga 18 Jun 2011 lalu yang merupakan acara tahunan sejak tahun 2008.

Di antara pengisian sepanjang pesta ialah pertandingan lumba kayak, bot laju, perahu sekoci, sepak raga, dam, konsert hiburan Islam, rebana Cina, tarian singa, pidato remaja, acara kanak-kanak dan tradisional termasuk pertandingan memancing Pesta Pantai Irama 2011.

Tuan Guru dalam ucapan perasmianya

berkata, kerajaan negeri Kelantan berhasrat menjadikan Islam sebagai teras dalam apa jua aktiviti pembangunan termasuk aspek pelancongan.

Katanya, pelancongan merupakan ajaran Islam dan merupakan satu perintah daripada Allah SWT. Allah SWT telah memerintahkan kepada umat Islam agar berjalan dan mengembara di muka bumi untuk melihat ciptaan Allah SWT di merata tempat di selu-

bersambung ke muka surat 3



Tuan Guru tertarik dengan logo baru Bachok Bandar Pelancongan Islam.

sambungan dari muka surat 1

ruh dunia.

"Islam mewajibkan umatnya supaya mengerjakan fardhu haji yang memerlukan kepada melancong ke Makkah al-Mukarramah. Pelancongan ke Makkah ini bukanlah satu pelancongan yang sebarangan, bahkan ia merupakan pelancongan yang diperintahkan, pelancongan yang bertujuan menyahut seruan Allah SWT,

"Kefardhuhan haji ini menunjukkan bahawa pelancongan bukanlah satu perkara baru di dalam Islam. Bahkan Allah SWT sendiri menceritakan kisah bagaimana beberapa orang nabi ditakdirkan mengembara keluar dari kampung halaman masing-masing untuk menambahkan ilmu pengetahuan dan melebarkan dakwah" jelasnya.

Beliau juga menyifatkan dengan pengisytiharan Bachok Bandar Pelancongan Islam merupakan bukti terhadap kesungguhan kerajaan negeri Kelantan menjadikan Islam sebagai asas dalam membangunkan negeri.

"Dasar Membangun Bersama Islam yang kita perkenalkan tidak sama sekali menutup pintu pelancongan bahkan sektor ini masih kekal sebagai sektor utama dalam menjana ekonomi negeri Kelantan serta memberi peluang pekerjaan dan pendapatan kepada rakyat tempatan,

"Sehingga bulan April 2011, kita telah menerima kehadiran pelancong seramai 1.6 juta orang termasuk pelancong antarabangsa dan domestik. Angka ini merupakan satu angka yang cukup besar dan kita menaruh keyakinan insya-Allah pada hujung tahun ini, Kelantan boleh mencatat kehadiran pelancong mencecah sehingga angka 4 sehingga 5 juta orang,

"Bagi tahun 2011, Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan sejumlah RM2.5 juta bagi Galakan Kebudayaan, Kesenian

& Pelancongan, Promosi dan Produk Pelancongan dan Pembangunan Seni dan Budaya dan Pembangunan Infrastruktur Pelancongan,

"Menerusi pengisytiharan Bachok Bandar Pelancongan Islam, saya berharap agar Bachok dapat menepati piawai yang telah ditetapkan untuk menepati ciri-ciri bandar pelancongan Islam yang dapat menarik pelancong bagi melihat sendiri wajah sebuah bandar yang menepati syarat untuk digelar sebagai Bandar Pelancongan Islam,

"Bandar Pelancongan Islam juga perlulah mencerminkan penjagaan tiga aspek penting dalam kehidupan seorang muslim iaitu menjaga hubungan dengan Pencipta, menjaga hubungan sesama manusia dan menjaga hubungan alam sekitar. Dalam erti kata lain, pelancong-pelancong yang datang ke sini akan melihat ketiga-tiga aspek ini terjaga dengan sempurna dan merealisasikan gelar-

an Bandar Pelancongan Islam." jelas Tuan Guru.

Exco Kerajaan Negeri, Dato' Takiyuddin Hassan berucap sebelum itu berkata "sejak tahun 1990 lagi kerajaan negeri menggunakan dasar Membangun Bersama Islam yang dijadikan satu gagasan ke arah mewujudkan bandar raya Islam yang telah direalisasikan sebelum ini.

Jelas beliau, Majlis Daerah Bachok (MDB) Bandar Pelancongan Islam akan turut menggunakan konsep 5K (Keilmuan, Kepatuhan, Kebersihan, Kebajikan dan Kesejahteraan) sebagaimana MPKB-BRI.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Pelancongan dan Kebudayaan negeri Kelantan menyifatkan dengan adanya Pondok Pelancongan Islam yang akan dibangunkan di Kandis nanti yang berkonsepkan Bakti Kasih akan menarik lebih ramai pelancong yang mahu mendalami ilmu keagamaan.

Dato' Takiyuddin juga mengumumkan akan menggunakan tema 'Pelancongan Satu Sunnah' sebagai promosi ke arah merealisasikan Bandar Pelancongan Islam.

Ketua Jajahan Bachok, Zulkifle Ab. Rahman menyifatkan bandar ini dikurniakan Allah SWT dengan pesisir pantai yang indah dan cantik serta sesuai untuk pelbagai aktiviti pelancongan dan rekreasi. Tinggal lagi ia perlu dikekalkan dengan mutu kebersihan yang tinggi dan memastikan alam sekitar terkawal dari sebarang aktiviti yang memudaratkan alam.

Turut hadir Anggota Exco Kerajaan Negeri, Ahli-ahli yang Berhormat, Pegawai Kewangan Negeri Dato', Hj. Faudzi Che Mamat, serta Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Dato' Dr. Zainuddin Ibrahim serta ketua-ketua jabatan.

Logo Baru Majlis Daerah Bachok Bandar Pelancongan Islam

Ini melambangkan logo rasmi Majlis Daerah Bachok Bandar Pelancongan Islam

Bentuk Bulat melambangkan perpaduan diantara masyarakat yang terdapat di Bachok

Bentuk Kubah melambangkan agama islam yang merupakan cara hidup / amalan masyarakat Bachok

Perkataan Bachok yang berombak melambangkan identiti Bachok yang terkenal dengan pantai yang cantik dan indah